

03/04/2002

Jambatan kedua Pulau Pinang dikenakan tol

KEHADIRAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat semalam untuk menjawab soalan Datuk Fadzil Noor (Pas-Pendang) mengenai sikap dan pandangannya mengenai ulama digunakan sepenuhnya Ahli Parlimen terutama pembangkang untuk mengemukakan pelbagai soalan.

Chow Kon Yeow (DAP-Tanjong) dalam soalan tambahannya kepada Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu bertanya sama ada jambatan kedua Pulau Pinang yang akan dibina, akan dinamakan Jambatan Dr Mahathir.

Perdana Menteri bagaimanapun tersenyum selepas soalan itu diajukan.

Samy Vellu dalam jawapannya berkata:

"Itu terpulang kepada Yang Amat Berhormat. Biasanya beliau tidak bersetuju dengan cadangan seumpama itu tetapi dalam kes ini saya tidak pasti... saya rasa dia tidak akan bersetuju," katanya.

Menjawab soalan Chow sama ada pengguna di jambatan kedua itu turut dikenakan tol, Samy Vellu berkata, oleh kerana pembinaan jambatan itu membabitkan belanja yang besar, tol terpaksa dikenakan.

Bagaimanapun, beliau berkata, kadar tol itu tidak akan sama dengan kadar yang dikenakan di Jambatan Pulau Pinang yang sepatutnya dinaikkan dua kali ganda seperti dipersetujui mengikut perjanjian konsesi.

Terdahulu menjawab soalan Chow, Samy Vellu berkata, reka bentuk jambatan itu belum diserahkan dan kementeriannya masih menunggu kelulusan Kementerian Kewangan untuk melantik juru perunding.

"Begitupun, tapak projek sudah dikenal pasti dan kerja-kerja tanah untuk pembinaan jambatan sepanjang 24 kilometer itu sudah diselesaikan," katanya.

(END)